

Kalimah Allah: Cadangan diserahkan ke Majlis Raja-Raja

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.sheikhrahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kabinet mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah untuk mempersembahkan cadangan-cadangan bagi menguatkuasakan penguatkuasaan dasar berhubung kalimah Allah kepada Majlis Raja-Raja.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara tersebut bagi menyelesaikan isu kalimah Allah secara menyelu-

ruh dan bersepadu.

Pada masa sama, menurut beliau, ia sebagai memperkukuh perpaduan dan keharmonian antara kaum dan agama di Malaysia.

"Jemaah Menteri menegaskan bahawa kerajaan menghormati, memprakui, dan menerima pakai ketetapan enakmen negeri-negeri dan titah Yang di-Pertuan Agong pada 7 Februari lalu yang menzahirkan agar dikekalkan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa berhubung isu penggu-

naan kalimah Allah," kata Perdana Menteri dalam kenyataan semalam.

Terdahulu, Anwar memaklumkan Mesyuarat Jemaah Menteri semalam turut membincangkan keputusan Peguam Negara untuk menarik balik rayuan terhadap kes Jill Ireland berhubung bahan penerbitan yang mengandungi kalimah Allah.

Menurut beliau, Jemaah Menteri mengambil maklum bahawa keputusan yang dibuat hanya berkisar ke-

pada soal pentadbiran dan tidak merubah ketetapan Mahkamah Persekutuan pada tahun 2014.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, beliau dan Perdana Menteri ketika bertemu semalam sama-sama menyatakan komitmen untuk terus mempertahankan ketetapan dasar kerajaan berkenaan isu penggunaan kalimah Allah sebagaimana yang diputuskan Mahkamah Persekutuan pada 2014.